

BAB 2 – KEBANGKITAN NASIONALISME

2.1 Maksud Nasionalisme

1 Apakah maksud nasionalisme secara umum?

Cinta	Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara.
Semangat	Semangat menentang penjajahan serta pembelaan terhadap bangsa dan negara.
Gerakan	Gerakan mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing.

2 Mengapakah nasionalisme mempunyai pelbagai tafsiran?

Sejarah	Tafsiran berdasarkan sejarah, corak perjuangan dan karisma pemimpin yang mendukung perjuangan.
Kaitan	Berkait rapat dengan perasaan cinta akan negara.
Cetus	Mencetuskan keinginan membina negara bangsa dan melahirkan identiti sendiri.
Kita	Gerakan melahirkan perasaan kekitaan dengan menggunakan persamaan kebudayaan dan pengalaman sejarah.
Bebas	Bertujuan membebaskan bangsa dan negara daripada penjajahan.
Matlamat	Menuju matlamat yang sama, iaitu membina bangsa yang bersatu dan negara berdaulat.

3 Beberapa orang tokoh dan sejarawan telah memberikan tafsiran berkaitan dengan nasionalisme mengikut pandangan mereka.

Jelaskan pandangan tokoh berikut.

Hans Kohn	Nasionalisme merupakan satu gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang hanya kepada negara atau bangsanya.
Profesor William R. Roff	Kebangkitan nasionalisme Melayu lebih kepada kesedaran dan ketegasan diri - disebabkan ancaman terhadap hak kepentingan orang Melayu serta faktor ekonomi - akibat kebimbangan masyarakat terhadap sekularisme dan imperialisme Barat di Tanah Melayu.
Dato' Onn Jaafar	Wujudkan suatu bangsa yang kuat setanding bangsa lain di dunia.
Profesor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim	Nasionalisme merujuk perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri.

2.2 Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat

1 Nasionalisme di Barat berkembang hasil daripada penentangan terhadap pemerintahan beraja yang menjadi simbol penindasan yang menggugat hak dan kebebasan rakyat.

Apakah yang anda tahu tentang 'Pemikiran John Locke'?

Karya	Karya <i>Two Treatises of Government</i> berkaitan prinsip raja berperlembagaan.
Tolak	Menolak konsep pemerintahan raja berkuasa mutlak.
Setuju	Kerajaan patut diasaskan berdasarkan persetujuan antara pemerintah dengan rakyat.
Undang	Undang-undang perlu digubal bagi memenuhi hak asasi manusia.

2 Terangkan revolusi yang tercetus di Barat hasil daripada perkembangan idea nasionalisme.

(i) Revolusi Keagungan (1688)

Tegak	Revolusi Keagungan (Glorious Revolution) di England berlaku disebabkan oleh keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat.
Raja James II	Revolusi ini tercetus berikutan pemerintahan Raja James II membelakangkan parlimen semasa menggubal undang-undang.
Parlimen	Ahli parlimen bangkit meentang pemerintahan raja berkuasa mutlak dengan sokongan Mary II dan suaminya, Raja William of Orange dari Belanda.
Lari	Menyedari sokongan yang semakin berkurangan, Raja James II melarikan diri ke Perancis.
Peralihan	Peristiwa ini dikenali sebagai Revolusi Keagungan kerana peralihan kuasa berlaku secara aman tanpa

- pertumpahan darah.
- Mantap** Semasa pemerintahan Mary II dan William of Orange, konsep kedaulatan parlimen dan sistem raja berperlembagaan dimantapkan.
- Gubal** Bill of Rights digubal untuk memberikan keutamaan kepada parlimen menggubal undang-undang dan hak mengutip cukai.

(ii) Revolusi Amerika (1776)

- Reaksi British** Revolusi Amerika merupakan reaksi orang Amerika menentang penjajahan British. Penentangan ini disebabkan oleh tindakan British tidak melindungi hak penduduk Amerika yang merupakan sebahagian daripada empayar British - terdapat 13 buah tanah jajahan British di Amerika.
- Akta** Penduduk Amerika menentang akta yang diperkenalkan untuk memungut cukai di jajahan tersebut seperti Akta Pelayaran, Akta Gula, Akta Setem dan Akta Teh.
- Slogan** Penduduk tanah jajahan di Amerika melaungkan slogan “tiada cukai tanpa perwakilan” kerana tiada wakil Amerika dalam Parlimen British.
- Kongres** Pemimpin di tanah jajahan menubuhkan kongres yang diketuai oleh George Washington dan mengisytiharkan perang terhadap British untuk memperjuangkan kemerdekaan Amerika.
- Lulus** Kongres meluluskan Perisytiharan Kemerdekaan Amerika yang ditulis oleh Thomas Jefferson pada bulan Julai 1776.
- Hak** Perisytiharan tersebut menegaskan bahawa sekiranya sesebuah kerajaan tidak dapat menjamin hak kehidupan, kebebasan dan kebahagiaan, maka menjadi hak penduduk untuk membentuk kerajaan baharu.
- Akhir** Revolusi Amerika berakhir pada tahun 1783, apabila British mengakui kemerdekaan Amerika.
- Gabung** Sebanyak 13 buah bekas tanah jajahan tersebut digabungkan dan diberikan nama baharu sebagai Amerika Syarikat yang memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi.

(iii) Revolusi Perancis (1789)

- Bebas** Memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan oleh golongan pemikir Perancis seperti Jean Jacques Rousseau (Rousseau) dan Voltaire.
- Suara** Rousseau telah menulis *The Social Contract* yang mengemukakan keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.
- Sepakat Tinggi** Suara rakyat digelar sebagai “hasrat umum” iaitu kata sepakat golongan yang mempunyai kesedaran. Menurut Rousseau, kedaulatan suara rakyat lebih tinggi dan penting daripada institusi raja dan birokrasi.
- Sasaran** Sasaran golongan revolusi adalah terhadap pemerintahan autokratik Raja Louis XVI (1774–1792) dan golongan bangsawan.
- Monopoli Gempur** Golongan ini memonopoli pelbagai keistimewaan, sebaliknya rakyat terbeban dengan pelbagai cukai. Golongan revolusi menggempur penjara Bastille, membebaskan tahanan politik dan seterusnya menggulingkan Raja Louis XVI.
- Republik** Muncul Republik Perancis yang mengakhiri sistem pemerintahan beraja di Perancis.

3 Idea nasionalisme memberikan iktibar kepada kita tentang kepentingan ilmu pengetahuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup. Beri komen anda.

- Cinta ilmu** Mencintai ilmu pengetahuan – menggiatkan aktiviti membaca – meningkatkan pemikiran dan kemahiran – kesan: menjamin kehidupan sejahtera
- Sikap terbuka** Bersikap terbuka – kreatif dan inovatif – berani meneroka bidang baru – membuka peluang kepada hidup lebih baik – kesan: meningkatkan taraf hidup – menjadi tenaga pakar negara
- Jati diri** Mempunyai jati diri yang kukuh – setia negara yang tinggi – menolok kepentingan peribadi – kesan: menjadi warganegara yang sentiasa amalkan semangat patriotik
- Wibawa** Menjadi pemimpin berwibawa – bersikap kepimpinan melalui teladan – berjuang untuk kesejahteraan rakyat dan negara – kesan: negara aman – hidup rakyat terjamin

- 4** **Idea nasionalisme di Barat mencetuskan kesedaran dan kebangkitan memperjuangkan kedaulatan negara yang menekankan hak dan prinsip kedaulatan rakyat. Namakan dua revolusi yang berkaitan nasionalisme antiraja.**
England Revolusi Keagungan (1688) di England
Perancis Revolusi Perancis (1789)
- 5** **Idea nasionalisme juga dikaitkan dengan perjuangan untuk memperoleh kemerdekaan daripada penjajahan kuasa asing seperti Revolusi Amerika. Bagaimanakah teretusnya Jamuan Teh Boston?**
Cukai Jamuan Teh Boston merujuk peristiwa penentangan orang Amerika terhadap cukai dan monopoli British dalam perdagangan teh di Amerika.
Buang Mereka bertindak membuang kotak-kotak berisi teh ke laut dari kapal British yang berlabuh di pelabuhan Boston, Amerika.
Tindak balas Tindak balas British terhadap peristiwa tersebut mencetuskan Revolusi Amerika.
- 6** **Bill of Rights ditandatangani oleh William of Orange dan Mary II yang menjadi pemerintah di England selepas penggulingan Raja James II. Bill of Rights dijadikan undang-undang pada tahun 1689. Berdasarkan pengkajian sejarah anda, apakah Bill of Rights itu?**
Had Menghadkan kuasa monarki, meningkatkan status parlimen dan menggariskan hak individu tertentu.
Bebas Beberapa kebebasan dan konsep utama yang dibentangkan dalam Bill of Rights.
Pilih Kebebasan memilih anggota parlimen tanpa campur tangan raja atau ratu.
Suara Kebebasan bersuara di parlimen.
Campur tangan Kebebasan daripada campur tangan raja dengan undang-undang (raja dilarang menubuhkan mahkamah sendiri atau bertindak sebagai hakim sendiri).
Hantar Kebebasan untuk menghantar petisyen kepada raja.
Senjata Kebebasan menggunakan senjata untuk mempertahankan diri seperti yang dibenarkan dalam undang-undang.
Hukuman Kebebasan daripada hukuman yang kejam dan luar biasa serta ikat jamin yang berlebihan.
Cukai Kebebasan daripada cukai khas diraja tanpa persetujuan parlimen.
Denda Kebebasan denda dan penyitaan tanpa perbicaraan.
Tentera Kebebasan daripada penjagaan tentera ketika aman dan tanpa persetujuan parlimen.

2.3 **Perkembangan Nasionalisme di Asia**

- 1** **Perkembangan nasionalisme di Asia merupakan kesinambungan idea nasionalisme di Barat kesan daripada pertembungan yang berlaku dengan bangsa Eropah. Kedatangan dan penjajahan kuasa Eropah di Asia mencetuskan kebangkitan nasionalisme seperti di India. Apakah isu yang diperjuangkan pada peringkat awal?**
Reaksi Nasionalisme di India merupakan reaksi penduduk tempatan terhadap dasar imperialisme British.
Dahagi Kebangkitan rakyat tempatan dalam Dahagi India 1857 merupakan titik tolak kepada perkembangan nasionalisme di India.
India
Sosioagama Nasionalisme awal bercorak gerakan yang memberikan perhatian terhadap isu sosioagama.
Budaya Brahma Samaj dan Arya Samaj merupakan pertubuhan penting yang menggiatkan rasa kecintaan kepada budaya tempatan kesan daripada pengaruh budaya Barat.
- 2** **Terangkan perkembangan nasionalisme yang berlaku di India.**
Intelektual Pada penghujung abad ke-19, perkembangan pendidikan Barat membawa kemunculan golongan intelektual yang memulakan gerakan nasionalisme lebih tersusun.
Pertubuhan Mereka menubuhkan pertubuhan politik untuk menyuarakan pandangan seperti Kongres Kebangsaan India atau Indian National Congress (INC) yang dibentuk pada tahun 1885 dan Liga Muslim yang ditubuhkan pada tahun 1906.

- | | |
|--------------------------|---|
| Radikal | Pada awal abad ke-20, muncul gerakan bersifat keras yang diketuai oleh nasionalis radikal seperti Bal Gangadhar Tilak dan Bipin Chandra Pal. |
| Militan | Mereka menggerakkan semangat penentangan secara militan terhadap British. |
| Tidak kerjasama | Selepas Perang Dunia Pertama, INC memperlihatkan dasar tidak bekerjasama dengan British. |
| Satyagraha | Tindakan ini diterajui oleh Mahatma Gandhi yang menjadikan <i>satyagraha</i> sebagai pegangan untuk menggerakkan nasionalisme di India. |
| Jawatankuasa khas | Selepas Perang Dunia Kedua, INC dan Liga Muslim membentuk jawatankuasa khas bagi merangka rancangan pembahagian India, iaitu negara India dan Pakistan. |
| Pakistan | Pada 14 Ogos 1947, Pakistan diumumkan sebagai negara merdeka dengan Muhammad Ali Jinnah sebagai Gabenor Jeneral Pakistan. |
| India | India pula mengisytiharkan kemerdekaan pada 15 Ogos 1947. Jawaharlal Nehru dilantik sebagai Perdana Menteri pertama India. |
- 3 Kita sewajarnya mengambil iktibar untuk sentiasa berwaspada terhadap anasir asing yang boleh menjejaskan kedaulatan bangsa dan negara. Beri komen anda.**
- | | |
|-----------------------|---|
| Ilmu | Memperkasakan diri dengan ilmu pengetahuan – yakin kemampuan dan kebolehan diri sendiri – kesan: bersikap matang dan rasional membuat keputusan – dapat elakkan diri terpengaruh anasir kuasa asing |
| Stabil ekonomi | Mengekalkan kestabilan ekonomi – menambah bilangan tenaga kerja mahir – menarik pelabur asing – kesan: negara mampu mencari peluang ekonomi baharu – tidak bergantung kepada kuasa asing |
| Bijak | Bijak menggunakan sumber negara – melakukan penyelidikan dan inovasi - mengantarabangsakan produk negara – kesan: mengurangkan sumber import negara – hasilkan produk berkualiti |
| Jati diri | Mengukuhkan jati diri pemimpin dan rakyat – mengamalkan perpaduan – bersemangat cinta akan negara – kesan: mengelakkan campur tangan kuasa asing – kekalkan kedaulatan negara |
- 4 Nasionalisme di India merupakan reaksi penduduk tempatan terhadap dasar imperialisme British. Titik tolak kepada perkembangan nasionalisme di India bermula dengan Dahagi India 1857. Apakah yang anda faham tentang Dahagi India 1857?**
- | | |
|-------------------------------|--|
| Pemberontakan | Dahagi India 1857 ialah pemberontakan yang telah dilancarkan oleh sepoi atau askar upahan British berbangsa India. |
| Reaksi | Pemberontakan tersebut merupakan reaksi kepada ancaman pengaruh British terhadap adat, budaya dan agama masyarakat setempat. |
| Merebak Ancaman Perang | Pemberontakan ni merebak ke seluruh India. Menimbulkan ancaman besar terhadap kuasa British di India. Pemberontakan ini juga dikenali dengan nama Perang Kemerdekaan India Pertama, Pemberontakan Besar, Pemberontakan Sepoi dan Dahagi Sepoi. |
| Susun | Ia juga membawa kepada penyusunan semula tentera, sistem kewangan dan pentadbiran British di India |
| Tadbir | India kemudian ditadbir secara langsung oleh The Crown sebagai Raj British |
- 5 Mengapakah berlakunya gerakan nasionalisme di India?**
- (i) Isu sosioagama**
- | | |
|-------------------|---|
| Gerakan | Nasionalisme awal bercorak gerakan yang memberikan perhatian terhadap isu sosioagama. |
| Pertubuhan | Brahmo Samaj dan Arya Samaj merupakan pertubuhan penting yang menggiatkan rasa kecintaan kepada budaya tempatan kesan daripada pengaruh budaya Barat. |
- (ii) Kemunculan golongan intelektual**
- | | |
|--------------------|--|
| Intelektual | Pada penghujung abad ke-19, perkembangan pendidikan Barat membawa kemunculan golongan intelektual yang memulakan gerakan nasionalisme lebih tersusun. |
| Pertubuhan | Mereka menubuhkan pertubuhan politik untuk menyuarakan pandangan seperti Kongres Kebangsaan India atau Indian National Congress (INC) yang dibentuk pada tahun 1885 dan Liga Muslim yang ditubuhkan pada tahun 1906. |

(iii) Kemunculan nasionalis radikal

- Radikal** Pada awal abad ke-20, muncul gerakan bersifat keras yang diketuai oleh nasionalis radikal seperti Bal Gangadhar Tilak dan Bipin Chandra Pal.
- Militan** Mereka menggerakkan semangat penentangan secara militan terhadap British.

(iv) Dasar tidak bekerjasama dengan British

- Tidak kerjasama** Selepas Perang Dunia Pertama, INC memperlihatkan dasar tidak bekerjasama dengan British.
- Satyagraha** Tindakan ini diterajui oleh Mahatma Gandhi yang menjadikan *satyagraha* sebagai pegangan untuk menggerakkan nasionalisme di India.

(v) Kemerdekaan India dan Pakistan

- Jawatankuasa khas Pakistan** Selepas Perang Dunia Kedua, INC dan Liga Muslim membentuk jawatankuasa khas bagi merangka rancangan pembahagian India, iaitu negara India dan Pakistan. Pada 14 Ogos 1947. Pakistan diumumkan sebagai negara merdeka dengan Muhammad Ali Jinnah sebagai Gabenor Jeneral Pakistan.
- India** India pula mengisytiharkan kemerdekaan pada 15 Ogos 1947.
- Jawaharlal Nehru** Jawaharlal Nehru dilantik sebagai Perdana Menteri pertama India.

6 Bagaimanakah untuk menghalang campur tangan kuasa asing dalam pentadbiran negara kita?

Kemukakan alasan anda.

- Kekal aman** Mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara – mengamalkan semangat bersatu padu – amalkan pentadbiran cekap dan adil
- Rukun Negara** Mengamalkan prinsip Rukun Negara - taat setia kepada raja dan pemimpin – menghormati perlembagaan - mematuhi undang-undang negara
- Mantap** Memantapkan sistem pertahanan negara – berhati-hati dengan sebarang tindakan diambil – bijak mengatur strategi – berpendirian teguh – sentiasa berwaspada terhadap kuasa asing
- Tanam** Menanam semangat cinta akan negara

7 Dr. Sun Yat Sen merupakan seorang tokoh yang memelopori gerakan kebangkitan rakyat di China.

Apakah yang dilakukan oleh tokoh tersebut?

- Pelopori** Tokoh yang memelopori gerakan kebangkitan rakyat di China.
- Tiga prinsip** Beliau mengemukakan Tiga Prinsip Rakyat (San Min Chu-i) sebagai ideologi perjuangan, iaitu nasionalisme, demokrasi dan kebajikan sosial.
- Asas** Prinsip tersebut menjadi asas kepada gerakan Revolusi China pada tahun 1911 yang berjaya menumbangkan pemerintahan Dinasti Manchu..
- Republic** Muncul pemerintahan republik di China.

8 Jelaskan sebab-sebab berlakunya nasionalisme di China.

- Kukuh** Nasionalisme di China bertujuan mengukuhkan peradaban China dalam kalangan orang Cina daripada ancaman penguasaan politik dan ekonomi oleh kuasa asing.
- Manchu** Nasionalisme China bermula dengan penentangan terhadap kelemahan pemerintahan Dinasti Manchu (kerajaan Manchuria) yang dianggap sebagai orang luar dan kehilangan mandat.
- Hilang** Masyarakat China turut hilang kepercayaan terhadap Dinasti Manchu yang gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat.
- Anti-Barat** Gerakan nasionalisme seterusnya bercorak anti-Barat kerana menentang campur tangan kuasa Barat di China.
- Berjaya** Gerakan Revolusi China berlaku pada tahun 1911 yang berjaya menumbangkan pemerintahan Dinasti Manchu.
- Republik** Kemunculan pemerintahan republik di China.

9 Pada pendapat anda, apakah penjajahan bentuk baharu yang boleh menggugat kedaulatan Malaysia hari ini? Beri hujah anda.

- Budaya asing** Penerapan budaya asing tanpa disedari – banyak filem asing ditayangkan – budaya hiburan yang keterlaluan – gaya hidup ala Barat
- Kawal** Kawalan ke atas kewangan negara - menguasai ekonomi negara melalui bantuan asing – terlalu bergantung kepada ekonomi Barat
- Teknologi** Penggunaan teknologi tanpa kawalan – maklumat keselamatan negara terdedah – ancaman keselamatan negara
- Bantuan** Bantuan ketenteraan berterusan daripada kuasa asing – pencerobohan ruang udara dan laut – menjadi tempat ujian senjata negara luar
- Campur tangan** Campur tangan negara luar dalam politik negara

10 Nasionalisme empayar Uthmaniyah dan Mesir lahir daripada kesedaran untuk mempertahankan sistem pemerintahan Islam dan agama Islam yang diancam oleh imperialisme Barat pada abad ke-19. Kesedaran tersebut mencetuskan gerakan Pan-Islamisme dan gerakan Islah.

Apakah yang anda faham tentang Gerakan Islah?

- Pulih** Gerakan Islah merujuk gerakan pemulihan Islam.
- Pegang** Menyeru umat Islam berpegang pada ajaran Islam yang sebenar berpandukan al-Quran dan Hadis
- Baiki** Memperbaiki kehidupan masyarakat untuk melepaskan diri daripada penjajahan.
- Pelopor** Gerakan ini telah dipelopori oleh Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan Sheikh Muhammad Abduh.

11 Terangkan perihal gerakan Pan-Islamisme.

- Tubuh** Sayyid Jamal al-Din al-Afghani menubuhkan kumpulan yang diberikan nama al-Urwah al-Wuthqa (Ikatan yang Kuat).
- Saudara Akhbar** Tujuan memperkuat rasa persaudaraan dan membawa umat Islam kepada kemajuan. Pertubuhan ini telah menerbitkan akhbar al-Urwah al-Wuthqa untuk menyebarkan idea Pan-Islamisme.
- Seru** Seruan penyatuan persaudaraan umat Islam di seluruh dunia untuk bangkit menghalang peluasan kuasa Barat.
- Fatwa** Pada tahun 1914, empayar Uthmaniyah mengeluarkan fatwa menyeru umat Islam yang ditindas penjajah Barat bangkit berjuang bersama-sama dengan empayar Uthmaniyah.
- Khalifah** Pemerintah empayar Uthmaniyah, iaitu Khalifah Abdul Hamid II menggerakkan idea Pan-Islamisme ini.
- Sokongan** Gerakan ini mendapat sokongan umat Islam di seluruh dunia termasuklah Tanah Melayu. Contohnya, kebangkitan Tok Janggut menentang British di Kelantan pada tahun 1915.

12 Gerakan Pan-Islamisme menjadi penyebab terhadap kebangkitan Tok Janggut menentang British di Kelantan pada tahun 1915.

Mengapakah semangat perjuangan pemimpin tempatan wajar dicontohi oleh generasi kini?

Kemukakan alasan anda.

- Setia** Mempunyai semangat setia negara yang tinggi – jati diri tinggi - sanggup berkorban demi bangsa
- Berani** Memiliki sikap berani – semangat juang yang kental – tidak berputus asa – tabah menghadapi cabaran
- Ilmu** Mempunyai ilmu agama yang mendalam – anti penjajahan
- Taat** Taat pada raja dan pemerintah – sedia mempertahankan kedaulatan negara – sikap bekerjasama

13 Maharaja Mikado Meiji berperanan penting dalam melancarkan gerakan Pemulihan Meiji di Jepun pada tahun 1868. Apakah yang dilakukan oleh beliau?

- Meiji** Maharaja Mikado Meiji (1868) melancarkan gerakan pemulihan Jepun (Pemulihan Meiji).
- Moden** Menekankan pemodenan mengikut model Barat.
- Tujuan** Supaya Jepun dihormati oleh kuasa Barat.
- Bangkit** Jepun bangkit sebagai kuasa besar dunia.

Kuasa Menjadikan Jepun sebagai kuasa ketenteraan yang hebat.

14 Prinsip dan semangat *bushido* dijadikan asas membina nasionalisme dalam kalangan rakyat dan pemerintah semasa era Pemulihan Meiji.

Apakah maksud semangat tersebut?

Sikap Sikap sanggup menanggung risiko, bersungguh-sungguh mencapai cita-cita.

Korban Sedia berkorban demi melaksanakan tanggungjawab terhadap ketua dan negara.

15 Bagaimanakah Pemulihan Meiji dilaksanakan?

Pemerintah Digerakkan oleh pemerintah Jepun.

Sedar Kesedaran untuk mencapai kemajuan bagi mengelakkan ancaman imperialisme Barat.

Baharu Pemulihan meliputi gerakan pembaharuan dalam semua aspek kehidupan.

Industri Menjadikan Jepun muncul sebagai negara perindustrian.

Kuat Menjadi kuasa tentera yang kuat di Asia pada awal abad ke-20.

Kuasa Desakan ekonomi dan nasionalisme melampau oleh golongan tentera menjadikan Jepun sebagai kuasa imperialisme di Asia.

16 Mengapakah kepimpinan cemerlang dan berwibawa penting terhadap pembangunan sesebuah negara?

Berikan hujah anda.

Sejahtera Memastikan kesejahteraan rakyat – menegakkan hak rakyat – rakyat bersatu membangunkan negara

Selamat Menjamin keselamatan negara dan rakyat – memupuk keharmonian negara – keamanan negara – kekalkan kedaulatan negara – ekonomi stabil

Stabil Mengekalkan kestabilan negara – pentadbiran cekap dan cemerlang – imej negara kukuh

Maju Memajukan ekonomi – pembangunan negara berterusan – taraf hidup rakyat terjamin – negara menjadi tarikan pelabur asing

2.4 Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara

1 Nasionalisme di Asia Tenggara berakar umbi daripada gerakan membebaskan diri daripada penjajahan kuasa Barat seperti yang berlaku di Filipina.

Apakah yang diperjuangkan oleh Jose Rizal?

Hapus Menghapuskan penjajahan asing di Filipina.

Propaganda Nasionalisme peringkat awal berbentuk Gerakan Propaganda.

Tuntut Menuntut Filipina dijadikan sebahagian daripada wilayah Sepanyol.

Hak Mempunyai hak yang sama seperti bangsa Sepanyol.

Tubuh Jose Rizal menubuhkan Liga Filipina pada tahun 1892.

Desak Mendesak kerajaan Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial di Filipina.

Gagal Usaha ini gagal.

2 Terangkan perkembangan nasionalisme yang berlaku selepas kegagalan Gerakan Propaganda di Filipina.

Radikal Mencetuskan idea nasionalisme yang lebih radikal.

Katipunan Bonifacio menubuhkan Katipunan untuk memperoleh kemerdekaan Filipina melalui revolusi.

Revolusioner Merupakan gerakan revolusioner.

Kalayan Menggunakan akhbar Kalayan untuk menyebarkan idea revolusi kepada rakyat Filipina.

Bonifacio Bonifacio dan Aguinaldo telah memimpin Katipunan.

Revolusi Melancarkan Revolusi Filipina pada tahun 1896 untuk menyingkirkan pemerintahan Sepanyol.

Gagal Usaha ini gagal.

Kerjasama Aguinaldo kemudiannya bekerjasama dengan Amerika Syarikat.

Usir Berjaya mengusir Sepanyol dari Filipina.

Tidak iktiraf Perisytiharan Kemerdekaan Filipina oleh Aguinaldo pada tahun 1899 tidak diiktiraf oleh Amerika Syarikat.

Kuasa Filipina diletakkan di bawah penguasaan Amerika Syarikat.

- Ubah** Golongan nasionalis mengubah strategi perjuangan dengan menggunakan saluran diplomasi melalui parti politik sederhana.
- Anggota** Pendekatan kerjasama membolehkan Sergio Osmena, pemimpin Parti Nasionalis dilantik menganggotai Dewan Perhimpunan Filipina pada tahun 1907.
- Terus** Gerakan menuntut kemerdekaan diteruskan oleh golongan nasionalis sehingga Perang Dunia Kedua.
- 3 Apakah cabaran yang dihadapi pemimpin negara dalam mengekalkan dan memperkukuhkan negara bangsa Malaysia? Kemukakan hujah anda.**
- Bergantung** Kebergantungan kepada negara luar – bidang teknologi – bidang ekonomi – tenaga pakar
- Sosial** Masalah sosial dalam negara – memberi kesan kesejahteraan Negara dan hidup rakyat
- Inflasi** Masalah inflasi – nilai mata wang yang tidak stabil – kejatuhan ekonomi negara
- Sikap** Masalah sikap rakyat – tahap kesedaran kalangan rakyat kurang – kurang cakna banyak perkara
- Pengangguran** Masalah pengangguran – kesan terhadap ekonomi negara – terpaksa diisi pekerja asing
- Tenaga kerja** Tenaga kerja kurang mahir – sebabkan peluang kerja aras tinggi terhad
- Teknologi** Penggunaan teknologi masih rendah – pengeluaran terhad – kualiti terbatas
- Jurang** Jurang perbezaan pendapatan antara kaum – bandar dan luar bandar – kesan kepada taraf hidup
- Ekonomi** Kegiatan ekonomi mengikut kaum – masih kekal sejak British - kesan kepada taraf hidup berbeza
- 4 Nasionalisme di Burma ialah manifestasi perjuangan golongan kelas menengah, sami Buddha (pongyi), Thakin (siswazah universiti) dan golongan petani menentang imperialisme British. Apakah isu yang digunakan dalam usaha membangkitkan nasionalisme peringkat awal di Burma?**
- (i) Isu kasut**
- Tengah** Nasionalisme digerakkan oleh golongan kelas pertengahan berpendidikan Barat.
- Ancam** Kesan pengaruh British yang mengancam kedudukan agama Buddha.
- Persatuan** Tubuh Persatuan Belia Buddha pada tahun 1906 untuk kekalkan tradisi Buddha, pendidikan dan kebudayaan Burma.
- Raja** Raja Mindon Minh seorang raja yang kuat berpegang kepada tradisi Myanmar.
- Adat** Pertahan adat. menanggalkan kasut sebelum memasuki istana atau biara.
- Maruah** British beranggapan membuka kasut menjatuhkan maruah mereka.
- Murka** Tindakan British menyebabkan Raja Mindon murka dan bertindak mengusir wakil British.
- Putus** Memutuskan hubungan dengan British.
- Isu** Persatuan tersebut menggunakan isu kasut untuk membangkitkan nasionalisme.
- Radikal** Selepas diambil alih pemimpin yang lebih radikal seperti U Ba Pe, persatuan tersebut dinamakan Majlis Persatuan Am Kesatuan Burma.
- (ii) Isu bangsa Burma**
- Revolusi** Revolusi Pelajar menuntut penubuhan universiti untuk mereka.
- Tubuh** Golongan sami Buddha menubuhkan Majlis Am Sangha Samagyi.
- Cetus** Mencetuskan Pemberontakan Saya San (1930–1932).
- Ketua** Pemberontakan yang diketuai oleh Saya San, iaitu bekas pongyi (sami).
- Sokong** Mendapat sokongan golongan petani yang terbeban dengan pelbagai jenis cukai.
- 5 Pengenalan Perlembagaan Burma 1935 memberi kesan terhadap perjuangan ke arah kemerdekaan di Burma. Jelaskan.**
- Pisah** Pengenalan Perlembagaan Burma 1935 memisahkan Burma dengan India.
- Rangsang** Perlembagaan tersebut merangsang perjuangan ke arah berkerajaan sendiri.
- Parti** Golongan Thakin menubuhkan Parti Do Bama Asiayone (Kami Orang Burma) untuk memperjuangkan kemerdekaan Burma.
- Pimpin** Pemimpin parti tersebut seperti Aung San, Kyaw Nein dan U Nu.
- Thakin** Menggelar diri sebagai “Thakin” yang bermaksud tuan dan menegaskan orang Burma mesti bertuan orang Burma.
- Menang** Dr. Ba Maw yang memenangi pilihan raya pada tahun 1937 kemudiannya dilantik sebagai Perdana

Menteri yang pertama.

6 Apakah kejayaan yang dicapai pemimpin negara dalam usaha mengekalkan warisan ketamadunan Melayu pada hari ini?

Beri hujah anda.

Perlembagaan	Pemerintahan Raja Berperlembagaan kekal diamalkan.
Politik	Kestabilan politik menjamin keamanan negara
Undang	Sistem perundangan yang mantap
Perintah	Sistem pemerintahan yang teratur
Ekonomi	Ekonomi berkembang maju
Industri	Bidang perindustrian dimajukan
Sumber	Memperibadikan sumber ekonomi – meneroka bidang bioteknologi
Pendidikan	Melaksanakan transformasi pendidikan negara – pendidikan bertaraf dunia
Infrastruktur	Penyediaan infrastruktur yang lengkap – majukan sistem pengangkutan dan perhubungan

7 Nasionalisme di Vietnam muncul akibat perubahan sosiopolitik dan sosioekonomi selepas kedatangan Perancis terutama selepas tahun 1918. Gerakan ini dipelopori golongan bangsawan, Mandarin dan intelektual.

Bagaimanakah golongan di atas berjuang untuk mencapai matlamat mereka?

Pulih	Bangsawan dan pegawai daripada golongan Mandarin memperjuangkan pemulihan sistem pemerintahan beraja.
Sedar	Kemunculan golongan intelektual meningkatkan kesedaran politik dan gerakan anti-Perancis.
Akhbar	Nasionalisme Vietnam disalurkan melalui akhbar seperti Tribune Indige dan Cloche Felee.
Kritik	Mengkritik penindasan Perancis dan menuntut hak rakyat Vietnam.
Revolusi	Selepas PD1 nasionalisme bercorak revolusi yang didukung oleh aliran ideolog nasionalisme dan komunisme.

8 Nguyen Thai Hoc Ho Chi Minh memperjuangkan dua ideologi berbeza iaitu demokrasi dan komunis di Vietnam selepas Perang Dunia Pertama.

Jelaskan perjuangan mereka.

(i) Nguyen Thai Hoc

Pimpin	Memimpin parti utama aliran nasionalisme.
VNQDD	Iaitu Viet Nam Quoc Dang Dang (VNQDD) atau Parti Nasionalis Vietnam.
Juang	Perjuangan VNQDD berteraskan demokrasi, nasionalisme dan sosialisme.
Lancar	Melancarkan pemberontakan pada tahun 1930.
Usir	Mengusir Perancis dan menubuhkan kerajaan republik Vietnam.
Lumpuh	Perancis melumpuhkan gerakan golongan nasionalis.
Bunuh	Menangkap pemimpin VNQDD dan menghukum bunuh Nguyen Thai Hoc.

(ii) Ho Chi Minh

Pimpin	Memimpin golongan komunis dengan mengetuai Parti Komunis Vietnam (PKV).
PKV	Gerakan revolusi menentang Perancis diteruskan oleh Ho Chi Minh melalui PKV.
Isytihar	Pada 1945, Ho Chi Minh berjaya mengisytiharkan kemerdekaan Republik Demokratik Vietnam di Hanoi, Vietnam Utara.
Presiden Selatan	Beliau dilantik sebagai presiden pertama Vietnam Selatan yang berpusat di Saigon berada di bawah pengaruh Perancis dan Amerika Syarikat.
Tentang	Gerakan menentang penjajahan Barat diteruskan sehingga Republik Vietnam terbentuk pada tahun 1976.

9 Pada pendapat anda, mengapakah pemimpin-pemimpin Malaysia berjaya membentuk negara ini? Kemukakan hujah anda.

- Bijak** Kepimpinan bijaksana – bijak mengatur strategi – mahir berkomunikasi
- Sokong** Mendapat sokongan padu rakyat – perpaduan kukuh – hasrat rakyat untuk merdeka
- Terima** Pandangan rakyat diterima – mengutamakan perundingan - hak rakyat dilindungi
- British** Sokongan British dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- Semangat** Mempunyai semangat cinta akan negara – berani berjuang untuk negara – kesanggupan bekerjasama

10 Tokoh-tokoh seperti Raden Adjeng Kartini dan Soekarno sangat penting dalam sejarah perjuangan kemerdekaan Indonesia.

Apakah yang diperjuangkan oleh Raden Adjeng Kartini?

- Pendidikan** Raden Adjeng Kartini memelopori perjuangan untuk memajukan pendidikan kaum wanita.
- Karya** Karya Kartini, terutama surat yang diutus kepada rakan-rakannya di Eropah dibukukan.
- Terbit** Diterbitkan dengan judul Hilang Gelap Terbitlah Terang pada tahun 1911.
- Terjemah** Diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan judul Letters of a Javanese Princess.
- Dedah** Mendedahkan dasar diskriminasi Belanda yang menindas dan membawa kemunduran kepada bangsa Indonesia.

11 Gerakan nasionalisme di Indonesia semakin radikal di bawah kepimpinan Soekarno.

Buktikan.

- PNI** Penubuhan parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan seperti Partai Nasionalis Indonesia (PNI).
- Pengaruh** Kepimpinan Soekarno menjadikan PNI sebagai sebuah parti yang berpengaruh.
- Ikrar** Kongres Pemuda Indonesia melahirkan ikrar “Sumpah Pemuda” yang menjadi tonggak nasionalisme.
- Sumpah** Tiga asas dalam sumpah tersebut ialah satu tanah air, satu bangsa dan satu bahasa untuk mewujudkan keutuhan negara bangsa.
- Bentuk** Soekarno memelopori pembentukan Permuafakatan Perhimpunan Politik Kebangsaan Indonesia (PPPKI).
- Kukuh** Bagi mengukuhkan perjuangan pertubuhan ini
- Gabungan** PPPKI ialah gabungan organisasi dan parti politik Indonesia yang memperjuangkan kemerdekaan Indonesia.

12 Buktikan rakyat Malaysia menunjukkan semangat nasionalisme mereka dalam hal-hal berkaitan negara.

- Malaysia** Berusaha memenangi acara dalam sukan antarabangsa – menyokong skuad sukan negara – mendokong
- Boleh** semangat Malaysia Boleh
- Pelihara** Memelihara imej negara
- Aman** Memastikan negara aman – hidup bersatu padu – bertanggungjawab menjaga kedaulatan negara – menolak sensiviti
- Kibar** Bendera negara sentiasa dikibarkan – bersama meraikan hari perayaan
- Hormat** Menghormati dan menghayati lagu kebangsaan
- Sumbang** Memberi sumbangan dalam pembangunan negara – cukai – kemahiran dan kepakaran
- Beli** Membeli barang buatan Malaysia
- Sama** Membudayakan semangat kebersamaan

13 Usaha diplomasi dan pemodenan Thailand dipelopori dua orang Raja Thailand iaitu Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn. Apakah pembaharuan yang dilaksanakan mereka?

(i) Raja Mongkut

- Hubungan** Raja Mongkut membina hubungan baik dengan semua kuasa Barat.
- Terbuka** Mengamalkan dasar terbuka dengan kuasa Barat seperti British, Amerika Syarikat dan Perancis.
- Birokrasi** Memulakan langkah pemodenan dengan melaksanakan birokrasi Barat.
- Penasihat** Seramai 80 orang penasihat Barat dibawa masuk untuk melatih pegawai tempatan dalam pentadbiran
- Contoh** Penasihat kewangan, pelabuhan dan polis dibawa dari Britain manakala penasihat kastam dan

Guru ketenteraan dari Amerika Syarikat dan Perancis.
Imej Guru dari Barat, terutamanya British turut dibawa masuk untuk melaksanakan sistem pendidikan Barat. Langkah tersebut membentuk imej Thailand sebagai negara yang bersahabat dengan Barat

(ii) Raja Chulalongkorn

Terus Pemodenan negara diteruskan oleh putera baginda, iaitu Raja Chulalongkorn.
Perkenal Memperkenalkan Majlis Penasihat Rendah, Majlis Mesyuarat Tertinggi dan Kabinet Menteri.
Juruaudit Juruaudit diambil dari Britain untuk berkhidmat dalam perbendaharaan negara.
Pentadbir Muncul golongan pentadbir dalam birokrasi moden Thailand.
Bebas Menjadikan Thailand negara yang bebas daripada penjajahan kuasa Barat, khususnya British.

14 Bagaimanakah nasionalisme di Thailand menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan?

Lemah Rakyat tidak berpuas hati dengan kelemahan pentadbiran dan sikap boros Raja Vajiravudh.
Gelisah Menimbulkan kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja.
Mutlak Rakyat juga menentang pemerintahan raja berkuasa mutlak.
Dedah Perkembangan pendidikan Barat memberikan pendedahan terhadap fahaman liberal, sistem demokrasi dan sistem raja berperlembagaan kepada golongan intelek Thailand.
Parti Nai Pridi Phanomyong dan Field Marshal Phibulsongkram menubuhkan Parti Rakyat.
Lancar Melancarkan Revolusi Thai pada tahun 1932.
Tamat Revolusi tersebut menamatkan pemerintahan raja berkuasa mutlak.
Perlembagaan Pemerintahan raja berperlembagaan diperkenalkan.
Raja Meletakkan raja pada kedudukan tertinggi.
Urusan Raja tidak mencampuri urusan pentadbiran kerajaan Thailand yang dijalankan oleh Perdana Menteri.

15 Sumbangan pemimpin dalam usaha mengekalkan kedaulatan negara sewajarnya diteladani untuk mengukuhkan peradaban bangsa dan negara.

Beri komen anda.

Perpaduan Mengutamakan semangat perpaduan dalam kalangan pemimpin
Toleransi Sentiasa amalkan sikap toleransi – kerjasama antara pemimpin / antara parti
Terbuka Pemimpin bersikap terbuka – berfikiran rasional
Bijak Kebijaksanaan pemimpin – bermusyawarah mencapai kesepakatan – bijak atur strategi
Diplomasi Tidak menggunakan kekerasan semasa penentangan – membantah ikut saluran yang betul – cara diplomasi
Tindakan Melaksanakan tindakan secara berkesan
Terima Menerima pandangan rakyat

2.5 Kesedaran Nasionalisme di Negara Kita

1 Kesedaran awal nasionalisme di negara kita bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Bagaimanakah kesedaran awal nasionalisme ini berlaku?

Juang Sejarah perjuangan bangsa menghadapi ancaman luar - Portugis.
Usaha Usaha pemimpin seperti Sultan Muzaffar Shah dan Sultan Mahmud Shah
Dapat Sultan Mahmud Shah berusaha untuk mendapatkan Melaka kembali.
Serangan Melakukan tiga kali serangan terhadap Portugis.
Gagal Serangan gagal tetapi perjuangan tetap diteruskan.

2. Perjuangan terawal menentang British bermula di Kedah dan kemudian disambung oleh pemimpin tempatan pada penghujung abad ke-19. Buktikan.

Sultan Penentangan terhadap ancaman luar melalui perjuangan Sultan Kedah, iaitu Sultan Abdullah
Abdullah Mukarram Shah.
SHTI Menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI).

Pulau Pinang Wilayah Awal Abad ke-20	Baginda berusaha untuk mendapatkan Pulau Pinang kembali. Merupakan sebahagian daripada wilayah Kedah. Merupakan perjuangan terawal menentang British di Kedah. Awal abad ke-20, perjuangan menentang penjajah dilakukan oleh Penghulu Dol Said, Dato' Maharaja Lela Pandak Lam, Dato' Bahaman, Rentap, Mat Salleh, Tok Janggut dan Haji Abdul Rahman Limbong.
Setempat Tuntut Tindak balas Sederhana	Perjuangan mereka bersifat setempat, namun selari dengan erti nasionalisme. Menuntut kebebasan daripada ancaman luar dan mendaulatkan wilayah masing-masing. Mendapat reaksi dan tindak balas keras daripada penjajah. Memaksa masyarakat kita bergerak menentang secara sederhana.

3. Bagaimanakah pemimpin negara kita menghadapi tentangan dan ancaman luar? Kemukakan hujah anda.

Pertahanan	Membentuk pertahanan yang kuat – menyusun semula pasukan pertahanan - melakukan tinjauan udara – mengawal pantai dan laluan strategik
Satu Kerjasama	Menyatukan rakyat menghadapi tentangan Kerjasama Rukun Tetangga
Darurat	Mengisytiharkan darurat di kawasan tertentu
Hadiah	Tawaran hadiah menangkap musuh
Kempen	Mengadakan kempen sayangi negara
Runding	Mengadakan rundingan dengan pihak musuh
Bantah	Membuat bantahan kepada PBB – mendapatkan bantuan tentera

4. Kesedaran nasionalisme telah lama wujud dalam pemikiran dan tindakan tokoh-tokoh pemimpin di negara kita.

Bagaimanakah kesedaran nasionalisme muncul di negara kita?

KMM	Sejarah perjuangan bangsa menghadapi ancaman luar sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.
Kedah	Menentang ancaman luar melalui perjuangan Sultan Kedah, iaitu Sultan Abdullah Mukarram Shah.
SHTI	Menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI).
Abad ke-20	Menentang penjajah oleh Penghulu Dol Said, Dato' Maharaja Lela Pandak Lam, Dato' Bahaman, Rentap, Mat Salleh, Tok Janggut dan Haji Abdul Rahman Limbong awal abad ke-20.
Agama	Kesedaran nasionalisme seterusnya perjuangan tokoh agama yang dibawa oleh Gerakan Islam.

5. Kesungguhan tokoh nasionalis tempatan berjuang menentang British memberikan inspirasi kepada perjuangan nasionalisme pada awal abad ke-20 di negara kita. Jelaskan.

Agama	Kesedaran nasionalisme dengan perjuangan tokoh agama yang dibawa oleh gerakan Islam.
Pelopori	Gerakan dipelopori oleh Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Haji Abbas Mohd Taha dan Syed Sheikh al-Hadi.
Penulisan Gerak	Kesedaran nasionalisme diteruskan melalui penulisan kreatif dan akhbar. Digerakkan oleh Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), Muhammad Rakawi Yusuf, Abdul Rahim Kajai, Hajah Zainon Munshi Sulaiman (Ibu Zain) dan Fatimah Yaakub.
Pertubuhan	Perjuangan yang digerakkan melalui pertubuhan sosioekonomi oleh golongan berpendidikan Inggeris dan Melayu.
Tokoh	Tokoh ketika itu ialah Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam dan Burhanuddin al-Helmi.
Kekangan Terus	Menghadapi kekangan kewangan, halangan undang-undang dan pengawasan ketat pemerintah. Perjuangan mengkritik dan menyedarkan masyarakat tetap diteruskan.

6. Mengapakah semangat perjuangan pemimpin silam wajar dicontohi? Beri hujah anda.

Korban	Sanggup berkorban untuk negara – sedia mempertahankan kedaulatan negara
Setia	Semangat setia negara yang tinggi – jati diri tinggi
Taat	Taat pada raja dan pemerintah

Berani	Memiliki sikap berani – semangat juang yang kental
Tabah	Tabah menghadapi cabaran – tidak berputus asa
Waspada	Tidak mudah menerima pengaruh luar – waspada dengan kuasa asing
Semangat	Semangat menentang penjajahan

7. Kesedaran nasionalisme sejak awal abad ke-20 di negara kita juga dikaitkan dengan perjuangan tokoh penulisan kreatif dan akhbar seperti Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)

Apakah peranan Za'ba dalam membangkitkan kesedaran nasionalisme di negara kita?

Pendeta	Zainal Abidin Ahmad dikenali sebagai Za'ba mendapat anugerah Pendeta pada tahun 1956.
Sumbangan	Za'ba menyumbang tenaga dan fikiran untuk berbakti kepada masyarakat Melayu dan Islam di negara ini.
Sedar	Beliau menyedarkan masyarakat tentang kolonialisme dan imperialisme.
Khidmat	Beliau juga memberikan khidmat bakti dalam pelbagai kegiatan sosial dan penulisan akhbar, majalah dan buku.
Hubungan	Za'ba mempunyai hubungan persahabatan dengan tokoh utama Kaum Muda seperti Sheikh Tahir Jalaluddin dan Syed Sheikh al-Hadi serta tokoh luar negara seperti Rashid Rida.
Rencana	Beliau juga menghasilkan puluhan rencana dalam Utusan Melayu, Lembaga Melayu dan Majalah guru yang menyentuh persoalan politik, ekonomi dan sosial orang Melayu.
Pensyarah	Za'ba pernah bertugas di Biro Penterjemah, Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC).
Buku	Menerbitkan buku dalam bidang bahasa dan beliau menggunakan kesempatan mengemukakan pemikiran kritiknya terhadap kuasa penjajah.

8 Teratak Za'ba merupakan produk pelancongan berunsurkan pendidikan di Negeri Sembilan.

Apakah keistimewaan Teratak Za'ba?

Rasmi	Dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Mohd Isa Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan pada 5 Februari 2001.
Kayu	Bangunan ini diperbuat daripada kayu cengal (penak).
Reka bentuk	Reka bentuknya bercirikan rumah tradisional Negeri Sembilan.
Kisah	Terdapat paparan kisah perjalanan hidup Za'ba dan kerjayanya dalam pelbagai bidang.
Sumbangan	Sumbangan beliau semasa di SITC dapat ditelusuri dengan melihat karyanya dan mesin taip yang digunakan semasa bertugas di sana.
Seni	Peti nyanyi yang ada menunjukkan Za'ba peminat seni.
Asli	Meja dan kerusi kayu asli digunakan oleh Za'ba.
Ruang	Ruang berkarya dipamerkan secara eksklusif yang menggambarkan peribadinya.
Pameran	Dipamerkan pelbagai maklumat berkaitan tokoh mengikut bidang – contoh: bibliografi, peribadi

9. Akhbar dan majalah dapat membantu murid meningkatkan kecemerlangan diri.

Beri komen anda.

KBAT	Memperkasa isu semasa – kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)
Ilmu	Meningkatkan pelbagai ilmu pengetahuan – mempelajari banyak kemahiran – meningkatkan kemahiran komunikasi
Kenal	Mengenal negara-negara lain di dunia
Santai	Pembelajaran yang santai
Ingatan	Gambar berwarna-warni meningkatkan ingatan – lebih cepat menguasai fakta – gambar lebih menarik
Lain	Pendekatan yang berlainan daripada buku teks
Sahabat	Mendapat sahabat pena
Motivasi	Meningkatkan motivasi

2.6 Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme

- 1 Kemunculan nasionalisme di negara kita pada abad ke-20 didorong oleh beberapa faktor seperti peranan agama, penulisan kreatif dan media cetak. Apakah peranan pelajar yang berpendidikan di Mesir dalam mencetuskan nasionalisme?**

Dedah	Terdedah dengan falsafah perjuangan Gerakan Islah di Mesir.
Pimpinan	Pimpinan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, Sheikh Muhammad Abduh dan Rashid Rida.
Tentang	Muncul untuk menentang imperialisme Barat di negara Islam.
Seru	Gerakan Islah menyeru umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.
Pandu	Berpandukan al-Quran dan Hadis.
Baik	Memperbaiki kehidupan masyarakat untuk melepaskan diri daripada penjajahan.
Kaum Muda	Di Tanah Melayu dikenali Kaum Muda pimpinan Sheikh Tahir Jalaludin dan Syed Sheikh al-Hadi.
Gesa	Gesaan memajukan ekonomi, pendidikan, politik dan social orang Melayu.
Semat	Berusaha menyematkan sikap mengkritik penjajah ke dalam fikiran orang Islam.
Kritik	Mengkritik raja dan pembesar Melayu yang tidak berperanan memajukan orang Melayu.

- 2 Bagaimanakah penulisan kreatif dapat dikaitkan dengan kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita?**

Sastera	Hasil kesusasteraan seperti novel, cerpen dan puisi daripada tokoh nasionalis.
Dedah	Mendedahkan keperitan hidup bangsa yang dijajah serta penderitaan rakyat.
Kesan	Memberikan kesan kepada rakyat untuk menaikkan semangat bagi memahami realiti hidup yang dijajah.
Tokoh	Tokoh nasionalis terlibat Harun Aminurrashid, Abdul Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad (Pak Sako).
Contoh	Contohnya, novel Melor Kuala Lumpur oleh Harun Aminurrashid dan cerpen Cerita Awang Putat oleh Abdul Rahim Kajai.
Sindir	Karya Pak Sako seperti Putera Gunung Tahan dan Anak Mat Lela Gila menyindir penjajah dan mengingatkan anak bangsa akan kepentingan menikmati kebebasan.

- 3 Andaikan anda seorang penulis novel, cerpen dan puisi. Apakah tema penulisan yang sesuai bagi menarik minat generasi muda untuk membaca hasil karya anda?**

Kemukakan alasan anda.

Humor	Humor tetapi bermaklumat
Motivasi	Karangan motivasi – bahan mengenai sejarah
Hiburan	Hiburan yang berinformasi
Peperiksaan	Bahan peperiksaan
Sukan	Perkembangan dan aktiviti sukan
ICT	Kemahiran dan gajet terkini ICT
Sains	Penemuan sains dan teknologi
Pelancongan	Lokasi pelancongan yang menarik dan mencabar
Fesyen	Fesyen terkini – ikon terkenal dan berjaya
Seram	Peristiwa aneh, ajaib dan seram
Teladan	Kisah-kisah teladan – cerita dari al-Quran
Kerjaya	Kerjaya yang menarik

- 4 Akhbar merupakan bahan media cetak yang paling popular dan berpengaruh di Malaysia sejak zaman sebelum merdeka lagi.**

Apakah peranan media cetak dalam kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita?

Maklumat	Media cetak seperti akhbar dan majalah berperanan sebagai penyalur maklumat dan penyebar berita.
Tokoh	Antara tokoh nasionalis terlibat termasuklah Muhammad Rakawi Yusuf dan Johari Anang.

Jawi Peranakan Sekola Melayu	Antara akhbar awal termasuklah Jawi Peranakan yang menegur campur tangan British dalam soal agama Islam di Singapura dan isu bahasa Melayu.
Al-Imam Fajar Sarawak	Terdapat juga akhbar Sekola Melayu yang digunakan untuk bahan pembacaan di sekolah Melayu. Kemunculan Al-Imam, Nercha, dan Pengasuh pula memuatkan idea pembaharuan. Akhbar Fajar Sarawak yang diterajui oleh angkatan intelektual Melayu diterbitkan sebagai wadah bagi mengkritik dasar pemerintahan Brooke yang mengabaikan hak dan kepentingan bumiputera Sarawak.

5 Mengapakah akhbar dan majalah masih relevan sehingga kini?

Kemukakan hujah anda.

Murah	Kos lebih murah – mampu dibeli
Harian	Keluaran setiap hari
Mudah	Mudah diperolehi – mudah dibawa ke mana-mana
Maklumat	Sebaran maklumat yang mudah – maklumat dapat menambah ilmu pengetahuan
Perlu	Menjadi keperluan bagi tempat-tempat tanpa capaian internet
Terkini	Maklumat terkini dan lengkap
Ringan	Menjadi bacaan ringan – kandungan santai
Menarik	Kandungan lebih menarik – lebih berwarna-warni – pilihan generasi muda

6 Perkembangan sistem pendidikan yang berjaya melahirkan golongan intelektual juga menyemarakkan lagi nasionalisme menentang penjajah di negara kita pada awal abad ke-20.

Siapakah golongan intelektual yang dimaksudkan di atas?

Timur Tengah	Hasil daripada perkembangan sistem pendidikan, lahirlah golongan intelektual seperti lepasan Timur Tengah.
Syed Sheikh al-Hadi	Contohnya, Syed Sheikh al-Hadi yang menggerakkan idea pembaharuan dalam masyarakat.
Inggeris dan Melayu	Begitu juga intelektual lepasan pendidikan Inggeris dan Melayu seperti Abdul Kadir Adabi, Dato' Undang Rembau Abdullah Haji Dahan, Mohammad Eunus Abdullah, Ustaz Abu Bakar Mohd Said (Abu Bakar al-Baqir) dan Ibrahim Haji Yaakob.
Akhbar	Mereka menggunakan akhbar serta menubuhkan persatuan bersifat sosioekonomi dan politik untuk menyedarkan rakyat tentang nasionalisme.

7 Bagaimanakah sistem pendidikan mempengaruhi gerakan nasionalisme di negara kita?

Madrasah	Pendidikan moden Islam melalui penubuhan madrasah telah meniupkan semangat baharu dalam kalangan pelajar pada awal abad ke-20.
Contoh	Contohnya, Madrasah al-Attas di Johor Bahru (1914), Madrasah al-Masyhur di Pulau Pinang (1916) dan Madrasah al-Idrisiyah di Kuala Kangsar (1926).
Kaum Muda	Institusi ini menerima idea nasionalisme melalui kunjungan para ulama Kaum Muda dari Sumatera Barat.
Mesir	Pulangannya pelajar dari Mesir yang menyebarkan idea kemajuan dan pemodenan kepada masyarakat.
Raffles Institution	Raffles Institution di Singapura, Maktab Melayu Kuala Kangsar atau Malay College Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris atau Sultan Idris Training College (SITC) melahirkan golongan yang memimpin rakyat menuntut hak untuk mendapatkan pendidikan.
Dedah	Melalui sistem pendidikan, pelajar didedahkan dengan idea tokoh falsafah Islam dan Barat.
Desak	Memperlihatkan kelemahan bangsa yang dijajah serta mendesak British melakukan pembaharuan.
SITC	Contohnya, SITC menjadi medan ilmu untuk berbincang dan menghasilkan karya nasionalisme bagi menyedarkan masyarakat.

8 Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan oleh pemimpin untuk memajukan sistem pendidikan negara kita? Berikan hujah anda.

Gubal	Menggubal kurikulum pendidikan yang berkualiti
Tingkat	Meningkatkan bilangan pusat pengajian tinggi
Sekolah	Mewujudkan sekolah berprestasi tinggi
Perkasa	Memperkasa Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pakar	Membawa masuk pakar pendidikan dari luar
Semua	Mewajibkan pendidikan untuk semua – pendidikan secara percuma
Biasiswa	Memberi pinjaman atau biasiswa pendidikan
Guru	Melahirkan lebih ramai guru cemerlang atau guru pakar
Biaya	Membayai pelajar ke luar negara – contoh: Majlis Amanah Rakyat (MARA)

9 Pengaruh luar dan serantau telah menyemarakkan pergerakan nasionalisme di negara kita.

Namakan tokoh-tokoh yang terlibat dalam gerakan nasionalisme berikut.

(i) Gerakan Pan-Islamisme

Sayyid Jamal al-Din al-Afghani
Khalifah Abdul Hamid II

(ii) Gerakan Islah

Sayyid Jamal al-Din al-Afghani
Sheikh Muhammad Abduh
Rashid Rida

10 Bagaimanakah gerakan-gerakan di atas mempengaruhi nasionalisme di negara kita?

Sedar Kebangkitan Pan-Islamisme di empayar Uthmaniyah menyedarkan umat Islam untuk bersatu menentang ancaman luar.

Gesa Pengaruh Gerakan Islah di Mesir pula menggesa umat Islam melakukan pembaharuan yang progresif.

Jepun Kemunculan Jepun sebagai kuasa besar dunia yang berjaya menewaskan Rusia membuka mata penduduk tempatan untuk memperjuangkan nasib mereka.

11 Perjuangan tokoh-tokoh seperti Dr. Sun Yat Sen (China), Mahatma Gandhi (India), Soekarno (Indonesia) dan Jose Rizal (Filipina) juga menimbulkan kesedaran nasionalisme di negara kita.

Apakah yang diperjuangkan oleh tokoh-tokoh di atas?

Sun Yat Sen Gerakan Revolusi China pimpinan Dr. Sun Yat Sen turut menimbulkan kesedaran nasionalisme.

Manchuria Gerakan ini berjaya menewaskan kerajaan Manchuria.

Republik Menubuhkan sebuah negara Republik China.

Sedar Kejayaan ini membangkitkan kesedaran rakyat di negara kita untuk menentang penjajah.

Mahatma Begitu juga idea perjuangan Mahatma Gandhi di India yang menentang British tanpa kekerasan menjadi inspirasi pergerakan nasionalisme.

Jose Rizal Perjuangan Jose Rizal di Filipina dan Soekarno di Indonesia menyemarakkan usaha menentang penjajah di negara kita.